

17/05/2002

Kepulangan Soh timbul tanda tanya dalam MCA

Teh Kean Kiat

PERASAAN ingin tahu dan hairan timbul apabila bekas bintang harapan MCA, Datuk Soh Chee Wen, tiba-tiba kembali ke tanah air Selasa lalu yang antara lain didorong kerinduan terhadap masakan terkenal tempatan, kari kepala ikan.

Bekas ahli Jawatankuasa Pusat (CC) dan Majlis Presiden MCA itu (dua badan tertinggi parti) ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor, berkata: "Saya rindukan kari kepala ikan di negara ini kerana kari kepala ikan di luar negara tidak sama dengan masakan tempatan."

Persoalannya adakah beliau benar-benar merindui kari kepala ikan atau sekadar memberi bayangan bahawa kepulangannya itu adalah untuk membalas dendam.

Tahun lalu, analogi kepala ikan digunakan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, untuk menjelaskan keadaan pucuk pimpinan parti itu.

Kepulangan bekas Timbalan Pengerusi MCA Selangor itu dikatakan mampu menggugat kedudukan Menteri Pengangkutan berkenaan kerana Soh dikatakan akan mengadakan satu siri 'road show' mulai hari ini di seluruh negara.

Bagaimanapun, Dr Ling yang juga Ahli Parlimen Labis menegaskan MCA tidak akan menawarkan sebarang peluang kepada Soh untuk kembali berkhidmat dalam parti itu dan menyifatkan kepulangan beliau tidak akan menjejaskan pucuk pimpinan.

"Saya tiada kaitan dengan perniagaannya dan beliau juga tahu, tiada sebarang kaitan antara urusan perniagaannya dengan saya," katanya.

Ditanya sama ada kepulangan Soh akan menggugat perpaduan MCA, Dr Ling berkata: "Saya tidak mahu buat sebarang spekulasi. Saya rasa ahli MCA sudah matang."

Bekas Presiden dan Ketua Eksekutif Promet Bhd berusia 43 tahun itu, tidak dapat dikesan pihak berkuasa sejak waran tangkap dikeluarkan ke atasnya oleh Suruhanjaya Sekuriti pada April 1999 berhubung kes penipuan Omega Securities Sdn Bhd membabitkan lebih RM520 juta.

Soh dan Dr Ling yang pada 1990-an adalah kawan karib bertukar menjadi lawan apabila Soh memfailkan notis tuntutan terhadap Dr Ling, anaknya, Ling Hee Leong dan isteri, Carol Ong Lee Choo, untuk membayar balik hutang RM149 juta daripada jualan saham di Linksun Avenue Sdn Bhd.

Alasan yang diberikan oleh pelarian selama tiga tahun itu untuk kembali ke negara ini kononnya untuk membersihkan nama dan tidak berniat menjatuhkan sesiapa dalam politik, tidak rasional.

Sebelum ini, kemelut kepemimpinan MCA yang sudah berlarutan lebih dua tahun, akhirnya dapat 'diselesaikan buat sementara waktu' apabila kedua-dua Kumpulan A dan B dalam parti itu bersetuju berdamai berdasarkan agenda kedamaian dan kestabilan hasil cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Titik permulaan bagi pertelingkahan di antara dua puak itu ialah senarai keahlian baru yang diluluskan oleh ibu pejabat parti itu apabila Kumpulan B yang diketuai Timbalan Presidennya, Datuk Lim Ah Lek, mendakwa wujud lebih 35,000 ahli hantu dalam senarai berkenaan, Mac lalu.

Sehubungan itu juga, mereka menuntut diadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang dijadualkan di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 21 April lalu bagi membincangkan isu ahli hantu dan pengambilalihan seluruh CC Pemuda MCA pada Disember lalu.

Di pihak berlawanan, Kumpulan A diketuai Dr Ling dilaporkan berjaya mengumpul 1,526 tandatangan perwakilan untuk menggagalkan cubaan

mengadakan EGM itu.

Bagaimanapun, permohonan Kumpulan B itu ditolak oleh Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh, dengan alasan mereka tidak mendapat korum yang mencukupi, iaitu satu pertiga atau 794 daripada keseluruhan 2,384 perwakilan.

Beliau berkata, daripada 810 yang menandatangani permohonan itu, tiga orang didapati bukan perwakilan, 49 menarik balik, manakala seorang menandatangani sebanyak dua kali.

"Ini menyebabkan jumlah sebenar kurang daripada satu pertiga dan berdasarkan hakikat ini, EGM tidak boleh diadakan," katanya.

Pertelingkahan itu mencapai kemuncaknya apabila Perdana Menteri campur tangan dalam krisis parti terbesar yang mewakili masyarakat Cina di negara ini.

Pada 13 April lalu, Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu dilaporkan mengemukakan pelan damai untuk menyelesaikan masalah kepemimpinan MCA selepas bermesyuarat dengan Dr Ling di Putrajaya.

Keesokannya, Dr Mahathir mengarahkan semua pihak yang bertelagah dalam MCA supaya berhenti membuat sebarang kenyataan berhubung isu dalaman serta krisis kepemimpinan parti itu. Arahan itu turut dipersetujui Dr Ling dan Lim.

Arahan itu bagaimanapun tidak dapat bertahan lama apabila Perdana Menteri mengadakan lawatan ke Maghribi, Libya dan Bahrain dari 15 hingga 22 April lalu.

Beberapa rundingan diadakan di antara Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan Kumpulan B yang turut membabitkan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Johari Baharum dan Matthias Chang serta ahli perniagaan, Tan Sri Lim Kok Wing dan Tan Sri Lee Kim Yew.

Pada 18 April lalu, satu lagi rundingan diadakan di rumah Abdullah dengan hanya Lim yang menandatangani memorandum itu manakala Dr Ling memberi alasan bahawa ada perkara yang tidak difahami dan dipersetujui sepenuhnya oleh pihaknya.

Keesokannya, Kumpulan B mengumumkan pembatalan EGM yang dirancang mereka. Ia bagaimanapun tidak meredakan pergolakan parti itu, sebaliknya Dr Ting bertegas bahawa pemilihan parti pada peringkat bahagian akan diteruskan.

Pada 22 April lalu, pemilihan pada peringkat bahagian yang sepatutnya bermula pada 27 dan 28 April ditangguhkan selepas Dr Ling bersama dua Naib Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn, mengadakan pertemuan 45 minit dengan Dr Mahathir dan Abdullah di Putrajaya.

Sehari kemudian, kedua-dua puak yang bertelagah dalam MCA bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada, termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat sehingga 2005.

Bagaimanapun, penamaan calon bagi pemilihan peringkat bahagian itu pada 10 Mei lalu menyaksikan kira-kira 40 daripada 166 bahagian di seluruh negara melanggar arahan CC parti untuk mengekalkan status quo.

Kekecohan berlaku di beberapa bahagian apabila ada di kalangan pencabar yang bertindak membawa penyokong untuk mengundi diri sendiri bagi memegang jawatan pengerusi bahagian dan ada pula yang bertindak liar seperti melempar telur dan bergaduh.

Seorang pemimpin Pemuda MCA berkata, agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan Perdana Menteri disifatkan sebagai adil kerana ia mampu mengembalikan perpaduan dalam parti itu.

Beliau berkata: "Saya yakin status quo adalah baik kerana pemimpin yang melebihi 45 tahun harus melepaskan jawatan mereka dan timbalan atau orang bawahan boleh naik secara automatik.

"Saya juga yakin Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti dan Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota akan bertindak adil untuk menentukan siapa yang

patut mengisi kekosongan itu," katanya.

Hakikatnya, sejauh mana atau berapa lama perpaduan dalam parti dapat bertahan jika ada pemimpin, khasnya mereka yang masih muda, tidak sabar-sabar menanti pemilihan parti yang hanya akan diadakan tiga tahun sekali.

Tidak hairan jika berlaku kekecohan pada pemilihan parti itu kerana ada di kalangan pemimpin Pemuda yang sudah lama bersabar dengan dihamburkan pelbagai janji selepas sekian lama sokongan mereka diberikan kepada pemimpin atasan.

Mungkin agenda kedamaian itu adalah berita baik kepada pemimpin sedia ada yang masih sayang melepaskan jawatan mereka tetapi keadaan sebaliknya berlaku kepada pemimpin muda kerana masa adalah segala-galanya.

Senario politik MCA menunjukkan realiti kehidupan, iaitu manusia apabila berhadapan dengan keadaan terdesak akan mendedahkan sifat sebenarnya.

Dalam konteks ini, pemimpin MCA yang kononnya selama ini mengutamakan kepentingan parti dan masyarakat Cina, rupa-rupanya hanya gila kuasa dan tamak jawatan.

Tidak dinafikan juga MCA kini boleh dilihat sebagai parti yang ditubuhkan hanya untuk merebut jawatan dan menghadapi pilihan raya, sama ada pilihan raya kecil atau pilihan raya umum.

Agenda kedamaian itu yang dikatakan bertujuan menghadapi pilihan raya umum yang dijangka diadakan awal tahun depan, bukan saja tidak dapat menyelesaikan kemelut sedia ada, malah ia dilihat mampu mengheret MCA dalam satu kemelut yang tiada kesudahannya sehingga penyelesaiannya sukar dicari.

Satu lagi aspek yang perlu diutamakan ialah Perlembagaan MCA. Sudah sampai masanya untuk parti itu mengkaji semula kesesuaian perlembagaannya memandangkan banyak perkara yang kabur sehingga menyebabkan semua pihak mempunyai tafsiran sendiri terhadap peraturan parti.

Mungkin satu-satunya jalan penyelesaian yang paling baik ialah mengehendkan tempoh bagi memegang sesuatu jawatan tertinggi seperti presiden, timbalan presiden dan empat naib presiden tidak melebihi tiga penggal atau sembilan tahun.

(END)